

# Jamin sewa rumah di KL lebih rendah

(21 SEPTEMBER 2022) MAMPU, P.22

**Kuala Lumpur:** Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memberi jaminan kadar sewa *Council Home* atau Rumah Majlis yang dibina di sekitar Kuala Lumpur adalah lebih rendah daripada harga pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim

(gambar) berkata,

usaha itu untuk

membantu

warga kota

membuat

simpanan

wang bagi

membeli

kediaman

sendiri di

kemudian

hari dan juga

menjadi harta

menguntungkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Rumah Majlis akan memberi peluang kepada warga kota berpendapatan rendah untuk duduk di rumah lebih selesa daripada keluasan sekarang 400 atau 500 kaki persegi kepada 800 kaki persegi dengan tiga bilik dan dua bilik air.

“Kadar sewa pula mesti separuh atau murah daripada harga pasaran se-

masa. Kalau harga pasaran sekarang RM1,500 hingga RM2,000, mereka perlu bayar separuh mungkin RM700 sahaja,” katanya pada sidang media selepas majlis pecah tanah Rumah Majlis Bandar Tun Razak, Cheras di sini, semalam.

Shahidan berkata

DBKL menetapkan

kan sasaran se-

banyak 5,000

unit Rumah

Majlis dibina

pada tahun ini

dengan empat

projek sedang

berjalan, iaitu di

Sungai Udang,

Segambut; Ban-

dar Tun Razak; Ban-

dar Baru Sentul dan Taman

Desa Seputeh.

“Dua lagi projek yang dirancang ialah di Bandar Sri Permaisuri dan Sungai Besi,” katanya.

Bagi pembinaan Rumah Majlis di Bandar Tun Razak, ia dilaksanakan di atas tanah milik DBKL yang akan menyediakan 702 unit kediaman dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM200 juta.

